



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG**

**MODUL PENILAIAN SPM 2011
BAHASA MELAYU**

**Kertas 1
September
2 ¼ Jam**

1103/1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas modul ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas modul ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah


1103/1

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **faedah-faedah mengadakan majlis rumah terbuka pada musim perayaan di Malaysia**. Panjang huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 Jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1.

Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara.

Berdasarkan pernyataan di atas,uraikan persediaan-persediaan yang perlu dilakukan oleh remaja untuk merealisasikan cabaran tersebut.

2. Kegawatan ekonomi telah menyebabkan harga barang dan kos perkhidmatan meningkat. Bincangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh ibu bapa untuk mendidik anak-anak agar menjadi pengguna yang bijak.
3. Terdapat banyak tempat menarik di negara kita yang menjadi tarikan pelancong sama ada pelancong tempatan ataupun pelancong asing.
Huraikan kepentingan-kepentingan industri pelancongan terhadap pembangunan negara.
4. Pergolakan yang berlaku di beberapa buah negara di dunia telah menggugat keamanan dan keharmonian masyarakat.
Bincangkan peranan pemimpin-pemimpin negara di dunia untuk mewujudkan keamanan sejagat.
5. Puisi Melayu lama seperti pantun, syair, seloka dan gurindam semakin dilupakan oleh masyarakat.
Jelaskan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mempopularkan puisi Melayu lama tersebut.

MODUL PENILAIAN TAMAT